



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Semester & Year : January – April 2024
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ragut membawa maksud menarik, menyentak dan mencabut secara paksa atau dengan kekuatan. Kes ragut di Malaysia kini semakin berleluasa di mana-mana saja, tidak kira di bandar mahupun di kampung. Isu ini adalah salah satu masalah sosial yang amat membimbangkan masyarakat Malaysia.

Punca utama jenayah ini seringkali dikaitkan dengan faktor kemiskinan dan pengangguran yang meluas, di mana individu terdesak mencari jalan pintas untuk mendapatkan wang. Selain itu, keteagihan dadah dan pengaruh negatif rakan sebaya juga menjadi faktor yang mendorong individu terlibat dalam aktiviti jenayah ini. Persepsi bahawa jenayah ragut adalah **jalan pintas** untuk mendapatkan wang tanpa mempertimbangkan risiko dan kesan kepada mangsa menunjukkan kelemahan dalam nilai moral dan kefahaman sosial.

Langkah pencegahan jenayah ragut memerlukan pendekatan holistik dan kerjasama daripada semua pihak. Pihak berkuasa perlu meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan rondaan keselamatan, terutamanya di kawasan yang sering berlaku kejadian ragut. Pemasangan lebih banyak lampu jalan dan kamera CCTV di tempat strategik dapat membantu dalam mengurangkan kejadian ini serta memudahkan proses mengenal pasti dan menangkap penjenayah. Seterusnya, perlunya kempen kesedaran awam dalam menangani masalah ini. Masyarakat perlu dididik tentang cara-cara untuk melindungi diri dan harta benda mereka, serta pentingnya melaporkan kejadian jenayah kepada pihak berkuasa. Program-program pemulihan dan bimbingan untuk bekas penjenayah juga penting untuk mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat dan mengurangkan kebarangkalian mereka terlibat semula dalam aktiviti jenayah. Selain itu, program pembangunan masyarakat yang memberi tumpuan kepada pembinaan kemahiran dan peluang pekerjaan dapat membantu mengurangkan pengangguran dan kemiskinan, yang juga akan mengurangkan kecenderungan ke arah aktiviti jenayah.

Melalui pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu, semoga Malaysia dapat berusaha untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan masalah jenayah ragut di negara ini.

1. Nyatakan maksud frasa '**jalan pintas**' seperti yang dihitamkan dalam petikan di atas. **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan ini, nyatakan **EMPAT (4)** langkah untuk mencegah jenayah ragut di Malaysia. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** kesan negatif yang biasanya dihadapi oleh mangsa ragut? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

“Salah satu contoh kesan globalisasi adalah apabila generasi pada masa ini sudah mula melupakan nilai-nilai ketimuran. Lihatlah remaja kita yang begitu asyik dengan fesyen barat sehingga sanggup **mendedahkan sebahagian tubuh badan** dan membawa diri kembali ke zaman prasejarah. Pada zaman itu, manusia tidak mempunyai pengetahuan untuk mereka cipta pakaian. Mereka hanya menutup bahagian-bahagian tertentu dengan daun dan kulit binatang. Seterusnya, evolusi ketamadunan itu telah menjadikan tubuh badan mereka lebih terjaga dan mereka mula menutup anggota-anggota yang sewajarnya ditutup. Semua ini dilakukan untuk mengangkat martabat manusia supaya tidak sama seperti haiwan. Haiwan tidak berbaju bukan? Haiwan tidak berkahwin bukan? Malangnya, yang terjadi pada hari ini, kita berlumba-lumba untuk mendedahkannya kepada umum. Apakah senario ini mencerminkan kita sudah maju atau kembali mundur?”

Rakan-rakan sekuliah mengangguk-angguk tanda bersetuju sedangkan aku terasa seperti hak kebebasan manusia itu terhalang. Aku tidak mahu menjadi manusia hipokrit hanya kerana ingin menjaga pandangan manusia lain kepadaku. Pahala dan dosa mengikat manusia untuk berlagak baik sedangkan mereka sebenarnya tidak memerlukan dosa dan pahala untuk berlaku baik. Orang yang tidak beragama juga mempunyai nilai moral yang baik. Aku berbikini di pantai bukannya mengganggu siapa-siapa. Bukannya meminjam wang dia. Bukan juga bermaksud aku ini manusia yang jahat dan tercela. Jika aku jahat, tidak mungkin aku mampu berdamping dengan rakan-rakan lain, bergelak ketawa dan menumpangkan Jay setiap hari ke kelas. Sama juga halnya jika aku tidak mengenakan tudung kepala. Aku masih juga boleh mengisi borang dengan menulis agamaku di situ. Ada ramai lagi yang mengaku Islam, bertudung litup tetapi melakukan maksiat. Lantas persoalan apakah yang dikeutarakan ini?

(dipetik dan diubah suai daripada cerpen “Mengetahui Pohon kerana Dedaunnya” oleh Normaizura Md Zain, 2019)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **“mendedahkan sebahagian tubuh badan”** seperti dalam petikan di atas?
(2 markah)
2. Berdasarkan dialog dalam petikan ini, apakah **DUA (2)** mesej yang cuba disampaikan oleh penulis?
(4 markah)
3. Nyatakan **DUA (2)** nilai murni yang boleh didapati dalam keseluruhan cerpen ini.
(4 markah)

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

(a) Bina satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan di bawah ini supaya jelas menunjukkan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. bilah (2 markah)
- II. biji (2 markah)
- III. botol (2 markah)
- IV. bungkus (2 markah)
- V. batang (2 markah)

(10 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Sejarawan-sejarawan Barat turut mengmaparkan Munshi Abdullah sebagai seorang yang proBarat.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Sepasang kasut disulam dengan manik merupakan kraf tangan Malaysia yang mewarisi oleh budaya Cina Peranakan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Masyarakat bertamadun perlu mempunyai rasa menanggungjawab dan perihatin terhadap sesama manusia, dan juga terhadap binatang.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Individu yang dilahirkan pada bulan Febuari cenderung mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Pembelajaran Sains Komputer memerlukan pemikiran logik pelajar serta gambaran jelas implimentasinya dalam keadaan sebenar.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

1. Penderaan kanak-kanak merupakan isu sosial yang serius di Malaysia dan menimbulkan keprihatinan mendalam dalam kalangan masyarakat. Bincangkan langkah-langkah yang sesuai diambil untuk mengatasi kes penderaan kanak-kanak di Malaysia.

ATAU;

2. Isu gelandangan merupakan salah satu cabaran sosial yang serius di Malaysia. Jelaskan faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada masalah gelandangan di Malaysia.

ATAU;

3. Tuliskan sebuah karangan berdasarkan peribahasa, "**Sediakan payung sebelum hujan**" dalam konteks anda sebagai pelajar universiti.

KERTAS SOALAN TAMAT